



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**25 DISEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 127 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,482 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 264 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 232,071 orang. Manakala 723 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 393 orang di hospital, 324 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 32 orang merangkumi 31 di ICU/repurposed kritikal *care* serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (26.5%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatat angka baharu COVID-19 yang jauh lebih rendah hari ini dengan 127 kes, 41 kes lebih rendah daripada semalam.
- b. Cuma lima (5) daerah mencatatkan kes dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu 31 kes, Tuaran 22 kes, Penampang 12 kes, Ranau 10 kes dan Tawau 10 kes. 13 daerah mencatatkan kes pada satu (1) angka sahaja dan tidak ada kes baharu di sembilan (9) daerah.
- c. Terdapat satu kluster baharu tempat kerja di Kota Kinabalu hari ini, iaitu Kluster Bahtera Kinabalu yang melibatkan kakitangan kapal MV Orbit Petra. Ia berpunca daripada seorang anak kapal (indeks kes) yang telah disahkan positif dan saringan seterusnya dikalangan kawan sekerja mendapati 21 lagi anak kapal didapati positif dan kini sedang diberikan rawatan sewajarnya.
- d. Seramai 124 orang daripada 127 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 sahaja, tiada kes dalam Kategori 3 dan Kategori 5, serta dua (2) kes dalam Kategori 4. JKNS masih membuat penilaian ke atas satu (1) kes lagi.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (52) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- f. Selamat Menyambut Hari Krismas dan raihkan secara berhemah dan bertanggungjawab dengan mematuhi semua SOP.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	12	9.45%
2	Bergejala	42	33.07%
3	Kontak	52	40.94%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	21	16.537%
<b>JUMLAH</b>		<b>127</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/12/2021	Catatan Kes 25/12/2021	Perbandingan
1	Tawau	1	10	+9
2	Putatan	2	8	+6
3	Ranau	7	10	+3
4	Semporna	1	3	+2
5	Kota Marudu	0	2	+2
6	Nabawan	0	1	+1
7	Kudat	2	2	Mendatar
8	Kalabakan	0	0	Mendatar
9	Kunak	0	0	Mendatar
10	Sipitang	0	0	Mendatar
11	Telupid	0	0	Mendatar
12	Pitas	0	0	Mendatar
13	Kota Kinabalu	41	31	-10
14	Tuaran	30	22	-8
15	Tongod	8	0	-8
16	Papar	12	6	-6
17	Beluran	8	2	-6
18	Kuala Penyu	9	4	-5
19	Keningau	5	0	-5
20	Beaufort	5	1	-4
21	Tambunan	4	1	-3
22	Penampang	14	12	-2
23	Kota Belud	10	8	-2
24	Tenom	4	2	-2
25	Lahad Datu	1	0	-1
26	Sandakan	3	2	-1
27	Kinabatangan	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>168</b>	<b>127</b>	<b>-41</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (10 Disember – 24 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	12	10	8	0	1	31	455
Tuaran	0	14	5	0	3	22	373
Penampang	0	6	4	0	2	12	207
Ranau	0	8	1	0	1	10	192
Tawau	0	1	2	0	7	10	36
Kota Belud	0	4	2	0	2	8	206
Putatan	0	0	7	0	1	8	99
Papar	0	4	2	0	0	6	166
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	76
Semporna	0	0	0	0	3	3	10
Sandakan	0	0	2	0	0	2	96
Tenom	0	1	1	0	0	2	92
Kota Marudu	0	0	2	0	0	2	63
Beluran	0	1	1	0	0	2	25
Kudat	0	0	1	0	1	2	31
Beaufort	0	0	1	0	0	1	69
Tambunan	0	0	1	0	0	1	61
Nabawan	0	0	1	0	0	1	22
Tongod	0	0	0	0	0	0	23
Keningau	0	0	0	0	0	0	64
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	16
Pitas	0	0	0	0	0	0	15
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	15
Telupid	0	0	0	0	0	0	10
Sipitang	0	0	0	0	0	0	31
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>52</b>	<b>42</b>	<b>0</b>	<b>21</b>	<b>127</b>	<b>2,457</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Bahtera Kinabalu	12
<b>Jumlah</b>		<b>12</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Bahtera Kinabalu - Kota Kinabalu** adalah kluster yang dikategorikan sebagai kluster tempat kerja iaitu di sebuah kapal MV Orbit Petra. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 26, yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian RTK saliva pada 12 Disember 2021, setelah bergejala batuk dan hilang deria bau. Kes indeks telah dihantar ke pusat kuarantin hotel dari kapal untuk menjalani kuarantin. Bagaimanapun, ujian saringan ulangan pada 13 Disember 2021 turut mengesahkan kes indeks positif dalam ujian RT PCR. Saringan terhadap kontak rapat terdiri daripada kakitangan kapal tersebut pula mendapati 21 lagi kes positif menjadikan kumulatif kes sebanyak 22 orang. Semua pesakit telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,219 unit

- Hospital 1,332 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.14%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	113
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	7
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	7
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	119
Bukan Malaysia	8
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	14
Belum Menerima Vaksin	7
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	97
Dos Penggalak	8
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1 to 5	8
6 to 11	6
12 to 17	4
18 to 25	23
26 to 59	68
>60	18
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>



## **C TATACARA KEMASUKAN SEMUA PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA KE SABAH**

Tatacara kemasukan semua pengembara dari luar negara ke Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 778 orang. Daripada jumlah ini, seramai 744 orang adalah penduduk dewasa dan 34 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 24 Disember 2021 adalah seramai 2,447,795 orang. Ini meliputi 2,111,819 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,401,469 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,760 orang atau 75.80% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,976 orang atau 77.41% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,709 atau 71.59% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,851** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,552 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 43 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2       Sebanyak 53 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - 51 Orang : Lain-lain Kesalahan Tidak Tersenarai.
  - Dua (2) Orang : Pemilik Premis Gagal Mematuhi Waktu Operasi.
- 3       Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 131 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4       Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i       Sebanyak 1156 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau
  - ii      DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 589 premis perniagaan dan 2418 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5       Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 255 Premis Perniagaan melibatkan 149 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6       Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7       Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8       Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 95 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Sipitang	98.5%
4	Beaufort	98.4%
5	Beluran	98.4%
6	Semporna	98.3%
7	Tawau	98.3%
8	Tenom	98.3%
9	Kudat	98.3%
10	Kinabatangan	98.3%
11	Sandakan	98.2%
12	Penampang	98.2%
13	Kota Marudu	98.2%
14	Lahad Datu	98.2%
15	Papar	98.1%
16	Kota Kinabalu	98.1%
17	Tuaran	98.1%
18	Kota Belud	98.1%
19	Ranau	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

## TATACARAKEMASUKAN SEMUA PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA KE SABAH

Semua pengembara yang tiba dari negara yang dikenakan **SEKATAN PERJALANAN SEMENTARA** (mengikut senarai terkini yang dikeluarkan oleh KKM dan Jabatan Imigresen) atau mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari ke negara-negara tersebut dibenarkan memasuki Sabah dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- a. Melakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) 2 hari sebelum berlepas dari negara-negara tersebut;
- b. Mengisi e-Health Declaration (eHDF);
- c. Semua pengembara yang datang / masuk ke Sabah dari luar negara perlu mendapatkan **KELULUSAN KHAS** dari **Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan** melalui laman (<https://phednp.wixsite.com/website>);
- d. Ujian RT – PCR semasa ketibaan di ‘Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Pertama ke Malaysia’;
- e. Menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan di PMA Pertama, tanpa mengira status vaksinasi;
- f. Kuarantin di rumah adalah **TIDAK** dibenarkan;
- g. **TIDAK DIBENARKAN** meneruskan perjalanan ke Sabah atau ke destinasi lain di Sabah sehingga lengkap tempoh kuarantin;
- h. Keputusan Swab Ujian RT-PCR pada hari ke-10 adalah negatif sebelum diberi kebenaran penamatan dari kuarantin; dan
- i. Penilaian risiko pada hari ke – 14 dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.

1

## TATACARAKEMASUKAN SEMUA PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA KE SABAH

Semua pengembara yang datang dari **negara-negara lain** atau mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari sebelum memasuki Sabah:

- a. Ujian RT-PCR COVID-19 dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas dari luar negara tersebut;
- b. Mengisi e-Health Declaration (eHDF);
- c. Semua pengembara yang datang/masuk ke Sabah dari luar negara perlu mendapatkan **KELULUSAN KHAS** dari **Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan** melalui laman (<https://phednp.wixsite.com/website>);
- d. Ujian RT – PCR semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Pertama ke Malaysia;
- e. Menjalani kuarantin wajib selama **7 hari** untuk mereka yang lengkap vaksinasi atau **10 hari** bagi yang tidak lengkap vaksinasi atau belum vaksinasi, di stesen kuarantin yang ditetapkan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Pertama ke Malaysia;
- f. **TIDAK DIBENARKAN** meneruskan perjalanan ke Sabah atau ke destinasi lain di Sabah sehingga lengkap tempoh kuarantin;
- g. Ujian RT-PCR pada hari ke-5 (untuk kuarantin 7 hari) dan hari ke-8 (untuk kuarantin 10 hari); dan
- h. Penilaian risiko pada hari terakhir kuarantin (pada hari ke-7 atau hari ke-10) dan lanjutan kuarantin sekiranya perlu.

2

## TATACARA KEMASUKAN SEMUA PENGEMBARA DARI LUAR NEGARA KE SABAH

1. Tarikh berkuatkuasa untuk semua pengembara yang tiba dari negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara dan negara-negara berisiko tinggi penularan di dalam komuniti: **SERTA MERTA**
2. Tarikh berkuatkuasa untuk semua pengembara yang datang dari lain-lain negara atau mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari sebelum memasuki Sabah: **8 Januari 2022 (bermula 12am)**

Nota:

- a) Negara-negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara: **AFRIKA SELATAN, BOTSWANA, ESWATINI, LESOTHO, MOZAMBIQUE, NAMIBIA, ZIMBABWE, MALAWI**
- b) Negara-negara berisiko tinggi penularan varian Omicron di dalam komuniti: **UNITED KINGDOM (UK), AMERIKA SYARIKAT (USA), AUSTRALIA, NORWAY, FRANCE, INDIA, DENMARK, KANADA, NIGERIA**